



---

**SURAT PEKELILING KEWANGAN  
BILANGAN 7 TAHUN 2018**

---

**PELAKSANAAN SEPENUHNYA TERIMAAN DALAM  
PERSEKITARAN TANPA TUNAI (*CASHLESS ENVIRONMENT*)  
DI PEJABAT BENDAHARI DAN PUSAT TANGGUNGJAWAB**

**Pejabat Bendahari**

28 Disember 2018

**Disalinkan kepada:**

Naib Canselor

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Penolong Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat)

Penolong Naib Canselor (Pembangunan & Pengurusan Fasiliti)

Pegawai-Pegawai Kanan

# UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA

UTeM.03.04.01/100-3/3/2 Jilid 8 ( 7 )

28 Disember 2018

## SURAT PEKELILING KEWANGAN BIL. 7/2018

### **PELAKSANAAN SEPENUHNYA TERIMAAN DALAM PERSEKITARAN TANPA TUNAI (*CASHLESS ENVIRONMENT*) DI PEJABAT BENDAHARI DAN PUSAT TANGGUNGJAWAB**

#### **1.0 TUJUAN**

- 1.1 Surat Pekeliling Kewangan ini dikeluarkan bertujuan untuk memaklumkan mengenai pelaksanaan sepenuhnya terimaan dalam persekitaran tanpa tunai (*cashless environment*) di Pejabat Bendahari dan Pusat Tanggungjawab (PTj) Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).
- 1.2 Inisiatif ini selaras dengan perkembangan semasa serta selari dengan pelaksanaan Kampus Pintar UTeM (*UTeM Smart Campus*).

#### **2.0 LATAR BELAKANG**

- 2.1 Sejak UTeM ditubuhkan, hasil Universiti dikutip melalui kaedah konvensional iaitu secara tunai, cek, kiriman wang, wang pos dan bank draf. Selaras dengan perkembangan semasa, kaedah terimaan secara elektronik telah diperkasakan lagi seperti penggunaan terminal *point of sale*, *e-payment*, perbankan secara atas talian melalui *Financial Process Exchange* (FPX) dan *Mastercard Internet Gateway Services System* (MiGS) atau sebagainya.
- 2.2 Pejabat Bendahari telah mengeluarkan Pekeliling Bendahari Bil. 9/2012 bagi menerima pakai Pekeliling Perbendaharaan dan Surat Pekeliling Perbendaharaan berkenaan pelaksanaan kaedah pungutan hasil dan terimaan bukan hasil secara elektronik di UTeM.
- 2.3 Polisi dan Prosedur Pengurusan Tunai UTeM juga telah digariskan melalui Pekeliling Bendahari Bil. 3/2014. Para 7.0 Polisi dan Prosedur Pengurusan Tunai UTeM telah menjelaskan berhubung urusan penerimaan secara elektronik di UTeM.

- 2.4 Salah satu inisiatif sempena pelancaran Kampus Pintar UTeM yang telah dirasmikan oleh Menteri Pendidikan Tinggi pada 12 Mac 2018 adalah pelaksanaan konsep Kampus Tanpa Tunai melibatkan penggunaan Kad Unidebit Bank Islam oleh warga UTeM.
- 2.5 Pelaksanaan sepenuhnya terimaan dalam persekitaran tanpa tunai di Pejabat Bendahari dan PTj ini adalah sangat bertepatan dengan konsep Kampus Tanpa Tunai yang telah sedia dilaksanakan di UTeM.
- 2.6 Hal ini juga telah disarankan oleh YBhg. Prof. Datuk Naib Canselor melalui amanat beliau di dalam Majlis Perutusan Naib Canselor Tahun 2018 di bawah inisiatif Pelan Strategik Universiti Tema 6: Kelestarian Kewangan untuk mewujudkan suasana persekitaran tanpa tunai (*cashless environment*) di UTeM.

### **3.0 PELAKSANAAN SEPENUHNYA TERIMAAN TANPA TUNAI**

- 3.1 **Berkuat kuasa 2 Januari 2019, sebarang bentuk bayaran kepada UTeM hendaklah dibuat tanpa tunai.** Pembayar perlu menggunakan Terminal *Point of Sale (POS)* iaitu penggunaan terminal kad debit (Visa) atau kad kredit (Master) yang telah disediakan di:
  - 3.1.1 Kaunter Pejabat Bendahari
  - 3.1.2 Kaunter Zon-zon Kewangan Pejabat Bendahari
  - 3.1.3 Kaunter Perpustakaan Laman Hikmah
  - 3.1.4 Kaunter Kolej Kediaman Pelajar
  - 3.1.5 Pejabat Keselamatan
- 3.2 Sebarang keperluan baharu atau penambahan Terminal *Point of Sale* oleh PTj boleh dimohon kepada Bendahari UTeM.
- 3.3 Penerimaan selain tunai menggunakan bank draf, wang pos, kiriman wang dan cek berpaling masih diterima di kaunter terimaan yang dinyatakan pada para 3.1.

- 3.4 Terimaan secara atas talian melalui portal Universiti dan perbankan internet atau perbankan mudah alih juga boleh dilaksanakan melalui *Financial Process Exchange (FPX)* atau *Mastercard Internet Gateway System (MiGS)*.
- 3.5 Notis pemberitahuan terimaan tanpa tunai (seperti contoh di Lampiran) hendaklah dipaparkan dan dipamerkan di kaunter terimaan.
- 3.6 Sekiranya terdapat sebarang transaksi terimaan tunai yang tidak boleh dielakkan, urusan terimaan tunai tersebut hendaklah mendapat kelulusan Bendahari UTeM terlebih dahulu.
- 3.7 Pelaksanaan terimaan tanpa tunai ini masih tertakluk kepada Tatacara Pengurusan Terimaan seperti yang telah digariskan pada Bahagian II Polisi dan Prosedur Pengurusan Tunai UTeM.

#### 4.0 CAJ PERKHIDMATAN

- 4.1 Kementerian Kewangan telah menetapkan kadar atau caj perkhidmatan yang boleh dikenakan pihak bank atas setiap kaedah terimaan yang dilaksanakan seperti di jadual di bawah:

| <b>Kaedah Terimaan Elektronik</b>                            | <b>Caj Perkhidmatan Yang Ditetapkan Kementerian Kewangan</b> | <b>Catatan</b>                         |
|--|--|--|
| 1) Terminal Kad Debit  | Tidak melebihi 0.5% atas nilai transaksi.                    | Caj perkhidmatan ditanggung Universiti |
| 2) Terminal Kad Kredit                                       | Tidak melebihi 0.9% atas nilai transaksi.                    | Caj perkhidmatan ditanggung Universiti |
| 3) Portal <i>Financial Process Exchange (FPX)</i>            | Tidak melebihi RM1.00 setiap transaksi.                      | Caj perkhidmatan ditanggung pembayar   |
| 4) <i>Mastercard Internet Gateway Services System (MIGS)</i> | Tidak melebihi 1.0% atas nilai transaksi.                    | Caj perkhidmatan ditanggung Universiti |
| 5) JomPAY  | Tidak melebihi RM0.40 setiap transaksi                       | Caj perkhidmatan ditanggung Universiti |

## 5.0 PEMAKAIAN

5.1 Peraturan ini adalah berkuat kuasa serta-merta **mulai 2 Januari 2019**.

Sekian, harap maklum.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“KOMPETENSI TERAS KEGEMILANGAN”**

Saya yang menjalankan amanah,



**KHAIRUL BIN TAIB**  
Bendahari  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
MJ/UTP/2018